

Anda mungkin pernah berdepan dengan sesuatu masalah apabila anda log masuk ke dalam akaun dōTERRA. Berikut adalah senarai petua-petua pencarisilapan berguna untuk membantu anda mendapat semula akses akaun anda.

Pencarisilapan Umum

- **Cuba menggunakan Pelayar Internet yang lain**
 - doterra.com paling serasi dengan Google Chrome. Jika anda menggunakan pelayar selain daripada Chrome (Safari, Firefox, etc.), anda dinasihati untuk log masuk menggunakan Chrome.
- **Kosongkan cache dan cookies anda**
 - Pelayar-pelayar internet menyimpan data untuk membantu laman web berfungsi. Sekiranya data tersebut merupakan data yang lama, ia mungkin akan mengurangkan prestasi laman web tersebut.
 - Sila layari laman "[Kosongkan Cache dan Cookies](#)" untuk mendapatkan arahan menghapus cache dan cookies.
 - Cuba log masuk sekali lagi selepas anda kosongkan cache dan cookies anda.
- **Cuba menggunakan Mod Inkognito atau Peribadi dalam pelayar internet anda:**
 - Untuk arahan bagaimana menggunakan mod inkognito atau peribadi dalam pelayar anda, sila layari laman [Mod Inkognito/Peribadi](#).
 - Cuba log masuk sekali lagi selepas anda menggunakan mod inkognito atau peribadi.

Pencarisilapan Kata Laluan

1. **Sila pastikan bahawa nama pengguna (ID) dan kata laluan anda dimasukkan dengan betul**
 - Pastikan tiada ruang kosong di hadapan ID atau kata laluan.
 - Kata laluan adalah sensitif huruf. Klik pada ikon berbentuk mata dalam kotak kata laluan untuk melihat kata laluan yang ditaipkan anda.
 - Jika anda terlupa ID dōTERRA anda, lihat [Lupa Maklumat Log Masuk Anda](#).
2. **Minta e-mel untuk tetapkan semula kata laluan**
 - Klik pada butang "Lupa Kata Laluan" dan masukkan ID atau alamat e-mel anda apabila diminta berbuat demikian. Anda akan terima satu e-mel untuk tetapkan semula kata laluan anda beberapa minit kemudian.
 - **Sila periksa folder Junk/Spam untuk tetapkan semula e-mel** sekiranya anda tidak terima e-mel tersebut dalam inbox anda. Kadang-kala, e-mel tetapkan semula kata laluan disalah anggap sebagai spam.

The image shows two identical-looking login forms side-by-side. Each form has a header 'Sign in'. Below it is a field labeled 'Email or doTERRA ID' with a placeholder 'Enter your email or doTERRA ID'. Below that is a field labeled 'Password' with a placeholder 'Enter your password'. To the right of the password field is a small icon of an eye with a red border, which is a common symbol for a 'Show' or 'View' password button. Below the password field are two buttons: 'Remember Me' (with a checked checkbox) and 'Forgot Password?'. At the bottom of each form are two buttons: a purple 'Login' button and a white 'Enroll today' button with a purple border.

Jika anda masih menghadapi masalah log masuk atau perlukan bantuan: Sila hubungi Perkhidmatan Pelanggan pada talian **+603 2633 7888** atau melalui e-mel di malaysia@doterra.com.